

Lengkapkan ayat di bawah dengan mengisi tempat kosong merujuk kerangka karangan tentang sebuah karangan autobiografi “Aku Sebatang Pokok Kelapa Sawit”.

Aku sebatang pokok kelapa sawit. Aku hidup subur bersama-sama dengan rakanku di sebuah ladang yang luas. Aku banyak berbakti kepada peladang. Aku memberikan peluang pekerjaan kepada ramai rakyat di negara ini.

Aku _____ kelapa sawit. Aku berbuah _____. Aku dikait oleh _____ Aku dikumpulkan di _____ jalan. Aku dinaikkan ke atas lori.

Aku _____ ke atas lori. Aku dihantar ke _____ memproses kelapa sawit. Aku dan rakan-rakan _____ di kawasan kilang memproses. Aku _____ ke dalam kilang untuk diproses.

Produk utama yang dihasilkan daripada aku ialah _____. Setelah siap diproses, aku dibotolkan dan dijual di pasar raya. Aku telah _____ oleh seorang _____. Aku digunakan untuk _____.

Aku juga diproses menjadi _____ yang lain. Aku menjadi banyak _____ untuk manusia. Aku boleh diproses menjadi minyak masak dan _____. Aku juga boleh diproses menjadi _____ dan _____.

Aku berasa bangga kerana dapat membantu kehidupan manusia. Selain menghasilkan pelbagai barangan kegunaan harian, aku juga mampu memberikan peluang pekerjaan kepada manusia. Ekonomi negara juga akan meningkat.

minyak masak	wanita	kilang	dikumpulkan	pelbagai produk	majerin
peladang	lebat	lilin	kegunaan	mengeluarkan buah	dibeli
dinaikkan	sabun	tepi	dimasukkan	menggoreng makanan	pasar raya